

Media Title : Kosmo
Headline : Warga emas jadi mangsa mudah sindiket penipuan
Date : 14 October 2024
Section : Negara!
Page : 11



SINDIKET scammer kini banyak menyasarkan golongan warga emas sebagai mangsa yang mudah ditipu.
- GAMBAR HIASAN

Warga emas jadi mangsa mudah sindiket penipuan

SAUDARA PENGARANG,

KEBELAKANGAN ini, kita sering mendengar ramai dalam kalangan warga emas terutamanya para pesara yang ditipu *scammer* dalam jumlah yang agak banyak hingga mencecah ratusan ribu ringgit.

Mengikut statistic daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) merekodkan hampir RM50 juta kerugian dialami pesara yang diperdaya sindiket *phone scam* (penipuan dalam telefon) sepanjang 2023 sehingga Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata, bagi tempoh itu, secara keseluruhan sejumlah 4,713 kes direkodkan.

Kes terbaru, seorang wanita yang juga pesara guru di Kuala Terengganu mengalami kerugian RM218,900 selepas menjadi

mangsa 'phone scam' minggu lalu.

Persoalannya mengapa begitu mudah mereka yang terlibat percaya dengan segala kata-kata *scammer*? Adakah mereka tidak maklum dengan kes-kes sedemikian yang disiarkan di akhbar dan media-media sosial hampir setiap hari.

Untuk makluman, warga emas sering kali menjadi sasaran penipuan sama ada dalam talian atau sebaliknya atas beberapa faktor.

Antaranya kebanyakan mereka sememangnya kurang peka dengan perkembangan teknologi terkini termasuk media sosial dan sukar mengenal pasti tanda-tanda amaran penipuan yang dicetuskan dalam talian.

Apa lebih utama ramai warga emas mempunyai simpanan kewangan hasil kerja keras selama bertahun-tahun,

menjadikan mereka sasaran yang menarik.

Tambahan pula, golongan berkenaan lebih cenderung bersikap lebih mempercayai orang lain.

Dalam hal ini, mungkin menjadi tanggungjawab anak-anak atau sanak saudara kepada warga emas untuk memaklumkan tentang bahaya *scammer* yang boleh membawa kerugian yang banyak.

Kita tidak mahu *scammer* mengambil kesempatan ke atas warga emas yang kebanyakannya tidak cakna dengan penipuan yang berlaku dalam dunia maya.

Sia-sia wang yang dikumpul selama bekerja selama puluhan tahun 'hangus' dan hilang begitu sahaja. Bertindaklah sebelum terlambat.

INSAN CAKNA
Kuala Lumpur